

WUIF serah senaskhah al-Quran kepada PM

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima senaskhah al-Quran daripada Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF) pada Selasa.

Ketua Pegawai Eksekutif WUIF, Marhaini Yusoff berkata, penyerahan berkenaan adalah bersempena World #QuranHour pada Khamis ini.

Menurutnya, ia juga menjadi simbolik harapan rakyat sebagai penggerak al-Quran yang menjadi solusi masyarakat terutamanya orang Islam.

"Ini merupakan gelombang akhir menjelang dua hari lagi berlangsungnya World #QuranHour.

"Hari ini kita juga serahkan panji Al-Abrar yang dibawa oleh *bikers* dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im

Mokhtar.

"Kita berbesar hati dapat menyerahkan al-Quran dan poster World #QuranHour kepada Perdana Menteri," katanya kepada *Sinar Harian*.

Panji Al-Abrar mempunyai 11 nilai (karakter) yang perlu dididik dalam diri seseorang untuk menjadi insan berkebakjikan.

Dalam pada itu, Marhaini berkata, World #QuranHour tahun ini mengangkat surah Al-Insan dengan tema 'Memanusiakan Ummah' supaya al-Quran dapat menjadi solusi kepada umat Islam.

"Kita lihat nilai kemanusiaan kini kian terhakis," ujarnya.

Menurut Marhaini, World #QuranHour yang bakal berlangsung serentak jam 12 tengah hari Khamis ini turut mendapat penglibatan peserta antarabangsa.

"Peserta dari 217 lokasi di luar negara bersetuju menyertai kita tahun ini," ujar beliau.



Anwar (kiri) menerima senaskhah al-Quran daripada WUIF bersempena World #QuranHour. Turut kelihatan, Marhaini (dua dari kanan).